

TRANSFORMASI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI MALAYSIA 1960-2010

Oleh

Hasnah Hussiin
hasnah@ump.edu.my

Abstrak

Rural development programs launched in 1960, has been integrated in the country's five year plan ever since the First Malaya Plan (1956-1960) to the Tenth Malaysia Plan. It is the main focus of the country's development plan after independence up till today. Within this context, rural development encompasses for all ethnic groups living in rural areas. This study was conducted to examine the transformations and improvement in rural development made by the Federal government between 1960 and 2010. Analyzing these changes is an important way of looking at how the Federal government has planned rural development strategies and policies within this time-frame.

Keywords: Federal Government, rural development, rural community, Five Year Plan

Program pembangunan luar bandar yang telah dilancarkan sejak tahun 1960 telah telah diintegrasikan di dalam rancangan pembangunan lima tahun negara sejak Rancangan Malaya Pertama 1956-1960 sehinggalah negara memasuki Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pembangunan masyarakat luar bandar sememangnya menjadi fokus dalam perancangan pembangunan negara dari sejak merdeka sehinggalah pada hari ini. Dalam konteks ini, pembangunan luar bandar di Malaysia merangkumi pembangunan untuk semua kaum yang tinggal di luar bandar. Kajian ini dilakukan bagi melihat transformasi dan perubahan dalam pembangunan luar bandar oleh kerajaan Persekutuan dari 1960 hingga 2010. Mengkaji perubahan ini penting bagi melihat bagaimanakah kerajaan Persekutuan mengatur strategi dan polisi pembangunan luar bandar dari tahun 1960-2010.

Katakunci: Kerajaan Persekutuan, Pembangunan Luar Bandar, Masyarakat Luar Bandar, Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara

Pengenalan

Pembangunan secara umumnya merupakan suatu perubahan daripada tradisional kepada moden, daripada skala kecil kepada skala besar, daripada mundur menjadi maju dan sebagainya. Pembangunan biasanya meliputi pembangunan politik, ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, semua negara di dunia ini telah melalui proses-proses pembangunan bagi membangun dan memajukan negara masing-masing dalam pelbagai aspek. Dalam konteks negara Malaysia, pembangunan dalam erti kata yang sebenar telah dilakukan sebaik sahaja negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Walaupun sebelum itu, iaitu semasa penjajahan British, sudah ada beberapa jenis pembangunan dilakukan tetapi ia lebih kepada memberi keuntungan kepada British dan bukannya hendak membangunkan negara ini. Apabila membincangkan mengenai pembangunan negara, terdapat dua dimensi di mana terdapat pembangunan negara secara umum dan pembangunan luar bandar. Pembangunan luar bandar sebenarnya sentiasa relevan dalam lipatan sejarah negara sehingga ke hari ini. Malahan pembangunan luar bandar sentiasa diberi nafas baru dari segi polisi dan juga dasar bagi memastikan segala usaha yang dijalankan dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat luar bandar. Transformasi pembangunan luar bandar yang pertama sebenarnya telah dilakukan sejak tahun 1957 oleh Tunku Abdul Rahman untuk membangunkan infrastruktur dan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Tugas yang berat ini telah lama dipraktikkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ditubuhkan sejak tahun 1959 dan kini ia dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Untuk melihat transformasi pembangunan luar bandar dalam tempoh kajian ini ia boleh dikaji dari pelbagai dimensi seperti transformasi mengikut tampuk pemerintahan, berdasarkan rancangan pembangunan lima tahun negara atau melalui badan-badan kerajaan yang ditubuhkan.

Kajian Lepas

Secara amnya kajian mengenai pembangunan luar bandar boleh dilihat pada dua zaman yang berbeza iaitu sebelum merdeka dan selepas merdeka. Terdapat banyak kajian telah dibuat mengenai luar bandar sama ada dari perspektif sejarah, ekonomi, sains politik, sosiologi dan antropologi.¹ Kajian yang menyentuh pembangunan sosio ekonomi luar bandar telah dikupas secara umum oleh Mokhzani Abdul Rahim, dalam “*The Dynamics of Social Change and Economic Development in the Rural Sector of Malaysia*”² yang menganalisis pembangunan oleh kerajaan selepas merdeka. Beberapa masalah telah disentuh secara ringkas dalam usaha pembangunan luar bandar seperti kurangnya pakar berpengalaman dalam merancang pembangunan luar bandar, kemiskinan, keluasan tanah yang terhad, serta masalah pendidikan. Salah satu isu yang perlu diselesaikan dalam pembangunan luar bandar adalah kemiskinan. Bagi beliau kemiskinan luar bandar telah menjadi titik kepada masalah kekurangan tanah pertanian, pertambahan penduduk serta produktiviti yang rendah. Bagi beliau, dalam usaha membangunkan masyarakat luar bandar, penekanan kepada pembangunan ekonomi sahaja tidak memadai. Terdapat banyak kajian lepas mengenai luar bandar yang memfokuskan kepada satu isu sahaja.

¹ Antaranya adalah Chamsuri Siwar, “Sosioekonomi Melayu: Analisis Pencapaian Matlamat DEB dan DPN Untuk Membasmi Kemiskinan dan Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera” dalam Wacana Minda Melayu, 7-9 Oktober 2003., PWTC.Kuala Lumpur, Lim Teck Ghee, *Peasants And Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, Oxford University Press, 1977, Saharuddin Maaruf, *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*, Tham Seong Chee, *Malays and Modernization: A Sociology Interpretation*, Singapore University Press, 1977. Mohd Fauzi Haji Yaacob, “Kemunduran Ekonomi Masyarakat Melayu – Satu Tinjauan Sosio-Budaya” dalam Zainal Kling, *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1977, Syed Husin Ali, *Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan* (Satu Penyelidikan Sosio Ekonomi Kelantan), Karang kraf, Sdn Bhd, 1978, Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*, Penerbitan Adabi Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1979 dan *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1982.

² Mokhzani Abdul Rahim, “*The Dynamics of Social Change and Economic Development in the Rural Sector of Malaysia*”, Great Economic Debate 8-12 June 1971, Kuala Lumpur. Lain-lain kertas Seminar yang membincangkan mengenai pembangunan luar bandar di Malaysia adalah Shamsul Amri Baharuddin, “*Rural and Agricultural Development in Malaysia: An Alternative Viewpoint and Critique*”, A Paper Presented at the Malaysia Society Colloquium on “change in Malaysia”, James Cook University, Townsville, Australia 29-31 August 1979, Shamsul Amri Baharuddin, “*Politics of Development and Development of Politics at the Grassroots in Rural Malaysia*”, Syed Husin Ali, “*Critical Problems and Issues Affecting the Malaysian Peasantry*”, Professor David S. Gibbons, “*Rural Development and the Political Process in Peninsular Malaysia Since Merdeka: An Overview* dalam Seminar on Problems and Prospects of Rural Malaysia, 22-26 November 1985.

Ini dapat dilihat pada tulisan Fatimah Mohd Arshad et.al, dalam “*Rural Development Model in Malaysia*”³ membincangkan tentang evolusi polisi kerajaan dalam pembangunan pertanian sejak merdeka hinggalah ke tahun-tahun 1990-an. Evolusi pembangunan pertanian luar bandar yang dilancarkan kerajaan adalah bermula dengan Pembaharuan Pertanian (*Agrarian reform*), Pembangunan Pertanian Bersepadu (*Integrated Rural Development*) Industri Luar Bandar (*Rural Industrialisation*) dan Pusat Pertumbuhan Luar Bandar (*Rural Growth Centre*). Kejayaan pembangunan pertanian pada masa ini dinilai dari segi sumbangannya terhadap eksport, peluang pekerjaan dan bekalan makanan negara. Dalam hal ini, pertanian dilihat menjadi penyumbang utama dalam mengubah masyarakat luar bandar dari petani miskin kepada masyarakat perdagangan.

Kajian yang menekankan pentingnya pembaharuan dalam institusi-institusi yang terlibat dalam pembangunan luar bandar telah dibangkitkan dalam kajian yang bertajuk “*Institutional Reform is a Crucial Factor Necessary for a Successful Rural Development Programme in Malaysia*,”⁴ yang mengatakan bahawa pembangunan luar bandar tidak sahaja perlu memfokuskan kepada pembaharuan fizikal dan sosial semata-mata tetapi juga pembaharuan dari segi institusi. Pembaharuan institusi yang terlibat adalah dari segi pemasaran, pinjaman pertanian dan pemilikan tanah. Pembangunan luar bandar akan lebih berkesan jika tiga elemen ini distrukturkan semula dan dinilai semula dari segi perlaksanaannya agar penduduk luar bandar mendapat faedah yang sewajarnya daripada program pembangunan luar bandar yang dijalankan.

³ Fatimah Mohd. Arshad, et.al, “*Rural Development Model in Malaysia*”, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putera Malaysia, Paper Presented to the Hon. President of Peru, Mr.Alberto, Fujimori, Lima, Peru 13 Oktober 1997.

⁴ “Institutional Reform is a Crucial Factor Necessary for a Successful Rural Development Programme in Malaysia,” *Journal Ministry of Commerce & Industry Malaysia*, May 1969, Volume 2, No. 3.

Selain daripada memfokuskan kepada peranan institusi, terdapat juga kajian yang memfokuskan kepada peranan golongan tertentu dalam pembangunan luar bandar. Syed Ahmad Hussein, dalam tulisannya yang bertajuk "*Elites and Rural Development in Malaysia*",⁵ mengkaji mengenai peranan elit tempatan dalam pembangunan luar bandar. Golongan atasan yang paling berpengaruh dalam politik dan penyertaan masyarakat luar bandar adalah ketua kampung. Kelulusan dan kebolehan memimpin menjadi elemen penting dalam pemilihan seseorang pemimpin. Kajian ini mendedahkan bahawa pemilihan pemimpin perlulah dipilih dari kalangan pemimpin yang mempunyai kriteria yang sesuai dengan kehendak masyarakat di sesuatu kawasan dan jika pihak pemerintah meletakkan seseorang pemimpin yang asing daripada pilihan penduduk setempat, ia akan mendatangkan masalah di masa depan.

Terdapat juga kajian yang membincangkan pembangunan luar bandar dari perspektif tertentu seperti Ungku Abdul Aziz, dalam tulisannya "*Poverty and Rural Development in Malaysia*,"⁶ mengaitkan luar bandar dengan masalah kemiskinan. Justeru itu, beliau menyarankan agar usaha membangunkan luar bandar menekankan atau menumpukan kepada usaha menyelesaikan masalah kemiskinan. Kajian mengenai kemiskinan perlu dilihat kepada index kemiskinan atau tahap kemiskinan yang wujud di Malaysia. Menurut beliau, perbincangan mengenai kemiskinan di Malaysia boleh dilihat dari segi taraf pendapatan, sejarah berlakunya kemiskinan, sebab-sebab berlakunya kemiskinan, dan penyelesaian kemiskinan.

⁵ Syed Ahmad Hussein, "Elites and Rural Development in Malaysia" dalam B. Abdul Rahim Mokhzani, *Rural Development in Southeast Asia*, Southeast Asian Social Science Association, Kuala Lumpur 1979. Artikel ini adalah hasil daripada penemuan penyelidikan yang diadakan pada September 1973 dan Mac 1974 di tiga buah kampung di Pulau Pinang dan Kedah iaitu Kampung Tamah, Bapak Daud dan Sungai Mohdar.

⁶ Ungku Abdul Aziz, "Poverty and Rural Development in Malaysia", *Kajian Ekonomi Malaysia*, Kuala Lumpur, Vol.1, No.1 (1964).

Martin Rudner dalam “*The Malayan Quandary: Rural Development Policy Under The First and Second Five Year Plans*”⁷ membincangkan tentang pembangunan luar bandar di bawah dua rancangan pembangunan lima tahun negara iaitu Rancangan Malaya Pertama (1956-1960) dan Rancangan Malaya Kedua (1961-1965). Beliau berpendapat dasar kerajaan dalam pembangunan luar bandar dalam tempoh dua rancangan pembangunan tersebut tidak berjaya terutamanya dalam aspek memperbaiki taraf ekonomi penduduk dan juga kegagalan sektor pertanian untuk meningkatkan pendapatan penduduk. Begitu juga dengan program pendidikan, Gerakan Kerjasama, dan dasar pemberian kredit yang diperkenalkan oleh kerajaan juga tidak mencapai objektif yang diharapkan. Kerajaan juga dituduh gagal menyelesaikan orang tengah serta masalah pembahagian tanah yang masih menjadi masalah utama masyarakat luar bandar. Kesemua ini menjadi faktor gagalannya pembangunan pertanian dan juga pengenalan dua rancangan pembangunan lima tahun tersebut. Secara keseluruhannya, beliau berpendapat pembangunan luar bandar dalam tempoh tersebut tidak berjaya memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu luar bandar. Kegagalan ini juga adalah disebabkan pengenalan pembangunan luar bandar ini adalah diasaskan sendiri oleh orang-orang yang berkepentingan di dalam parti UMNO.

Chamsuri Siwar dan Nik Hashim Nik Mustapha, dalam monograph yang bertajuk *Integrated Rural Development in Malaysia: An Assessment*,⁸ membuat penilaian dan ulasan terhadap polisi dan strategi program pembangunan luar bandar secara bersepadu atau IRD di Malaysia terutamanya dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan, agihan pendapatan serta memperbaiki taraf sosio ekonomi masyarakat luar bandar. Sebagaimana yang diutarakan oleh

⁷ Martin Rudner, ““The Malayan Quandary: Rural Development Policy Under The First and Second Five Year Plans” dalam Martin Rudner, *Malaysian Development: A Retrospective*, Carleton University Press, Ottawa, 1994.

⁸ Chamsuri Siwar dan Nik Hashim Nik Mustapha, *Integrated Rural Development in Malaysia: An Assessment*, Monograph 4, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1988.

pengkaji lain, masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar di Malaysia adalah berkaitan dengan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi, kemiskinan dan ketidakseimbangan pendapatan antara luar bandar dengan kawasan bandar.

Kajian mengenai pembangunan luar bandar selepas era Dasar Ekonomi Baru memperlihatkan pelbagai aspek permasalahan luar bandar dibangkitkan. Azizah Abdul Rahman dan Sharifah Md. Nor dalam "*Pendidikan di Luar Bandar di Malaysia*,"⁹ membincangkan

⁹ Azizah Abdul Rahman dan Sharidah Md. Nor, "*Pendidikan di Luar Bandar di Malaysia*", dalam Victor T. King, Nazaruddin Mohd. Jali, *Isu-isu Pembangunan Luar Bandar di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992. Lain-lain perbincangan yang menjurus kepada pelbagai aspek permasalahan luar bandar selepas merdeka yang dimuatkan dalam buku yang sama adalah Mohd. Shah Haji Lassim, Zakaria Kasa dan Mohd Ibrahim, dalam "Peranan Pendidikan Pertanian Dalam Pembangunan Luar Bandar," membincangkan tentang peranan pertanian dalam memajukan sektor luar bandar di Malaysia. Pendidikan pertanian hanya dinaikkan tarafnya dalam Rancangan Malaysia Pertama di mana banyak institusi yang berkaitan ditubuhkan, serta lulusan pertanian telah mendapat tempat yang tinggi dalam bidang pekerjaan. Walaubagaimanapun, latihan bagi pembangunan sumber manusia dalam bidang tersebut masih tidak diberi perhatian. Nawalyah Abdul Ghani dan Maznah Ismail dalam "Keluarga Desa Luar Bandar: Pemakanan dan Kesihatan" menyentuh tentang isu pemakanan masyarakat luar bandar. Didapati bahawa kaum ibu di luar bandar masih memerlukan peningkatan pengetahuan mengenai pemakanan. Masalah mengenai pemakanan ini dialami di beberapa tempat di Malaysia. Antara masalah tersebut seperti kekurangan zat besi, kurang darah, kekurangan protein serta Vitamin A. Selain itu terdapat juga masalah beguk dan cacing. Persoalan yang ditimbulkan adalah masyarakat luar bandar masih memerlukan perubahan sikap dari segi pengambilan dan penyediaan makanan. Penulis juga telah mengkritik pengaliran pengaruh barat khususnya dari segi makanan di mana ia memperkenalkan makanan "junk food" kepada masyarakat tempatan yang mana makanan ini juga sangat rendah nilai nutrienya. Abdul Halim Hamid, "Perkhidmatan Perbidanan di Kawasan Luar Bandar di Malaysia: Nota Mengenai Sistem Penyampaian dan Masalah Yang Berkaitan", membincangkan mengenai perkhidmatan bidan Kerajaan di kampung-kampung. Di kampung-kampung, perkhidmatan bidan ini masih diperlukan biarpun sudah ada didirikan hospital kerajaan dan klinik-klinik swasta. Justeru itu penulis menyarankan agar pihak-pihak yang berkaitan diberikan kemahiran sosial bagi mempengaruhi ibu-ibu luar bandar terhadap perubatan moden serta menggunakan penyampaian yang efektif bagi menarik minat mereka untuk mendapatkan rawatan di hospital yang disediakan. Wan Sarah Wan Abdullah, Abdul Halim Hamid dan Hapsah Nawawi, dalam "Penglibatan Wanita Dalam Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes Industri Desa di Kelantan", meninjau tentang peranan wanita luar bandar di Kelantan dalam membangunkan ekonomi keluarga. Wanita Kelantan dilihat begitu proaktif dalam pembangunan ekonomi keluarga apabila mereka telah berani membuka perniagaan sendiri dan menggunakan ahli keluarga dan saudara terdekat bagi menjalankan aktiviti perniagaan. Walaupun menggunakan teknologi yang rendah dan tidak moden wanita Kelantan ini mampu berdiri sendiri serta memberikan rezeki kepada ahli keluarga. Persoalan yang ingin dibangkitkan di sini adalah untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya peranan wanita dalam pembangunan ekonomi di luar bandar.

tentang pendidikan di luar bandar di Malaysia sejak kemerdekaan, masalah yang dihadapi serta cabaran-cabaran pendidikan luar bandar. Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 1972, didapati, tahap keciciran pada peringkat menengah rendah sangat tinggi di kalangan murid luar bandar iaitu 72% jika dibandingkan dengan murid bandar 53%. Masalah lain adalah seperti prestasi akademik yang rendah, guru dan kemudahan yang kurang baik, sekolah-sekolah yang terlalu kecil serta kurangnya penyertaan ibu bapa dalam memberi sokongan kepada anak-anak mereka.

Transformasi Pertama (Selepas Merdeka)

Transformasi pertama dalam pembangunan luar bandar di Malaysia adalah dalam periodisasi pemerintahan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Luar Bandar. Tempoh Rancangan Malaya Pertama (1956-1960 sehingga Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) telah memperlihatkan usaha permulaan kerajaan Persekutuan untuk membangunkan luar bandar. Pembangunan luar bandar dilancarkan kerana melihatkan kepada taraf ekonomi dan pencapaian luar bandar dalam pelbagai sektor amat rendah jika dibandingkan dengan masyarakat di bandar. Dalam hal ini, kerajaan Persekutuan ingin membangunkan masyarakat Melayu khususnya di kawasan luar bandar yang sebelum ini disisihkan semasa penjajahan British dahulu. Usaha untuk membangunkan masyarakat Melayu luar bandar pada masa ini ada kaitannya dengan kepentingan politik kerajaan Persekutuan memandangkan masyarakat Melayu luar bandarlah yang telah mengundi dan meletakkan parti Perikatan sebagai pemerintah.

Pembangunan luar bandar yang dilancarkan oleh kerajaan Persekutuan telah dilancarkan dengan rasminya pada tahun 1960 dengan memberi tumpuan utama kepada pembangunan luar bandar serta penyertaan rakyat dalam proses perancangan dan pelaksanaan. Di antara badan-badan yang ditubuhkan khas bagi pembangunan luar bandar pada waktu ini adalah:

a. Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Penubuhan kementerian ini oleh Tunku Abdul Rahman merupakan asas paling penting dalam melaksanakan projek pembangunan luar bandar kebangsaan dan juga untuk memenuhi janji pihak kerajaan Persekutuan kepada penduduk luar bandar yang memilih perikatan untuk memerintah. Ini adalah berdasarkan kepada apa yang disuarakan oleh Tun Abdul Razak:

The establishment of a special Ministry of Rural Development was the most important announcement made by the Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putera, an assuming office again after the 1959 General Election.”¹⁰

Menurut Tun Abdul Razak, kementerian ini akan menggunakan semua tenaga daripada jabatan kerajaan yang berkaitan bagi bersama-sama memajukan kawasan luar bandar.¹¹ Dalam hal ini, kementerian ini akan melakukan segala usaha bagi pembangunan luar bandar dan ia juga akan berperanan menjadi pusat perancang kepada langkah-langkah yang hendak diambil untuk melaksanakan segala dasar kerajaan. Kementerian ini juga akan mengeluarkan perintah dari semasa ke semasa kepada semua pejabat-pejabat kerajaan yang berkenaan supaya segala tenaga yang ada dapat digunakan untuk memperbaiki hidup penduduk kampung. Penubuhan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sesungguhnya telah menjadi ”nadi” kepada pembangunan luar bandar apatah lagi ia diterajui oleh Tun Abdul Razak yang bertindak sebagai

¹⁰ Tun Abdul Razak bin Hussein, “Progress in Free Malaya”, (review of the economic progress achieved by the Federation of Malaya during the first four years of her existence as an independent State) Ucapan Sempena Sambutan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1961.

¹¹ Ucapan Oleh Timbalan Perdana Menteri Berkenaan Dengan Pembangunan Luar Bandar Melalui Radio Malaya Pada 6 Jun 1960 dalam Ucapan-ucapan Tun Razak 1960.

Menteri Pembangunan Luar Bandar. Beliau telah mengangkat sumpah jawatan juga pada tarikh 17 November 1959 sama dengan tarikh penubuhan kementerian tersebut.¹² Perlantikan ini merupakan satu ransangan untuk beliau terus berkhidmat memajukan masyarakat luar bandar kerana sebelum ini beliau pernah dilantik sebagai salah seorang pemimpin RIDA (Rural Industrial Development Authority).

b. RIDA

Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan atau Rural and Industrial Development Authority (RIDA) merupakan organisasi yang ditubuhkan sejak tahun 1951 dengan objektif umumnya untuk memberi keselesaan dan meninggikan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dengan peningkatan awalnya pembangunan prasarana dan pembangunan industri desa.

c. MARA

MARA (Majlis Amanah Rakyat) ditubuhkan pada tahun 1966 bagi menggantikan RIDA. Dalam hal ini MARA juga berperanan seperti RIDA sebelum ini iaitu untuk memajukan masyarakat Melayu terutamanya di luar bandar dalam sektor perdagangan dan perusahaan dengan menyediakan modal dan latihan.

d. FELDA

FELDA dilancarkan oleh kerajaan Persekutuan sejak tahun 1956 lagi dan selepas tahun 1957, lebih banyak lagi tanah dibuka di bawah skim FELDA bagi memberikan peluang kepada

¹² Address by the Deputy Prime Minister and Ministerial of Rural Development at the 3rd Annual Conference of State Commissioners of Lands and Mines at the Committee Room of the Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 25th January 1960, dalam Ucapan-ucapan Tun Abdul Razak bin Hussein 1960, hlm.7.

masyarakat luar bandar memiliki tanah dan dapat mengusahakan tanaman getah dan kelapa sawit bagi menolong meningkatkan pendapatan mereka.

e. Rancangan Buku Merah

Dilancarkan pada 6 Mei 1960 untuk menjadikan aturcara pembangunan selari disemua kawasan-kawasan luar bandar dengan pelaksanaan melalui 3 peringkat iaitu peringkat Pusat, Negeri dan Daerah.

f. Bilik Gerakan (Operations Room)

Bilik Gerakan ditubuhkan oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada 4 September 1961. Ia adalah hasil daripada saranan Tun Razak agar perjalanan program pembangunan luar bandar berjalan dengan sistematik dan menepati masa yang ditetapkan. Dalam hal ini, penubuhan Bilik Gerakan Pembangunan Negara Kebangsaan adalah berkonsepkan di mana setiap rancangan pembangunan bagi setiap Jabatan, Daerah dan Negeri dirangka dalam lakaran perancangan pembangunan, dan di mana kemajuan bagi sesuatu projek dapat dipantau dari bulan ke bulan. Dengan mengadakan pemantauan kemajuan terhadap semua aspek Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan ia dapat mengkaji, dan mengesan serta meneliti kelewatan dalam pembangunan.

g. Pendidikan Dewasa

Ditubuhkan pada tahun 1961 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah langkah permulaan untuk pembangunan modal insan dengan membasmi buta huruf di kalangan masyarakat luar bandar. Menurut Tun Abdul Razak, objektif diadakan pendidikan untuk golongan dewasa ini adalah untuk menghapuskan buta huruf, membentuk kesedaran

kebangsaan dan membolehkan masyarakat luar bandar menerima dan mempelajari ilmu-ilmu baru dalam bidang pertanian, kesihatan, penternakan dan sebagainya ke arah meningkatkan taraf hidup mereka.¹³ Sebagaimana yang diutarakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Skop pendidikan dewasa adalah lebih meluas dan tidak setakat mengajar pelajar menulis dan membaca sahaja. Tujuan utamanya adalah bagi melahirkan masyarakat yang celik huruf yang boleh memahami Bahasa Kebangsaan dengan jelas dan boleh bercakap dalam bahasa tersebut dengan lancar; boleh membaca dan menulis berkenaan dengan kehidupan seharian dan menyampaikan idea dengan menulisnya dalam bahasa Melayu; boleh melakukan pengiraan yang mudah, mendapat sedikit pengetahuan mengenai sejarah, geografi, sains kesihatan, ekonomi luar bandar dan lain-lain sains sosial; memahami dan menghargai tanggungjawab sivik dan kewajipan kepada negara terutamanya sistem kerajaan di semua peringkat iaitu Tempatan, Negeri dan Persekutuan serta proses demokrasi, memahami budaya dan sosial rakyat negara ini dan dapat mengeratkan hubungan mereka dengan rakyat dan negara ini.¹⁴

h. Pembangunan Kesihatan

Pembangunan kesihatan luar bandar telah dimainkan oleh Kementerian Kesihatan. Di antara perkara yang diberi tumpuan dalam pembangunan kesihatan masyarakat luar bandar dalam tempoh ini adalah pembinaan hospital, klinik dan klinik bidan. Lain-lain perkhidmatan yang

¹³ Tun Abdul Razak, Booklet "Forward Together," dalam SP33/A/2, 65/3, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

¹⁴ Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Bahagian Pelajaran Dewasa, Scope and Objectives of the Adult Education Programme as approved by the Cabinet dalam Fail Ministry of Rural Development M.R.D (D) 448, Rural Development – Adult Education, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

dijalankan adalah pembasmian penyakit Malaria serta pengenalan program perancang keluarga.

i. Pembangunan Infrastruktur

Pembangunan infrastruktur luar bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan pada tempoh ini adalah jalan raya luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, perkhidmatan bas luar bandar, pos luar bandar dan telekom luar bandar. Kementerian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan infrastruktur luar bandar pada masa ini adalah Kementerian Perusahaan dan Perdagangan serta Jabatan Kerja Raya.

Pembangunan luar bandar yang dilancarkan dalam tempoh ini adalah bertumpu kepada pembangunan fizikal luar bandar dengan adanya pembinaan infrastruktur kesihatan, jalan raya, bekalan air, sekolah, dan lain-lain kemudahan asas. Apa yang jelas dalam tempoh ini telah memperlihatkan munculnya “Buku Merah” sebagai asas dalam membangunkan program pembangunan luar bandar. Dengan penggunaan Buku Merah, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang mempunyai pendekatan pembangunan luar bandar yang mantap sehingga mendapat pengiktirafan daripada negara luar.

Transformasi Kedua (Era Dasar Ekonomi Baru 1971-1990)

Transformasi Kedua meliputi tempoh 1971 hinggalah tahun 1990 dan termasuk dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1). Ia meliputi Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Asas kepada pembangunan luar bandar dalam tempoh ini telah diselitkan di dalam rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pada tahun

1970 didapati hampir 90% penduduk luar bandar pada ketika itu masih lagi miskin dan melalui DEB, usaha-usaha pembasmian kemiskinan masih diteruskan dengan cara membuka peluang ekonomi yang lebih luas, memperbanyakkan perkhidmatan kesihatan dan juga perumahan kepada penduduk miskin tanpa mengira kaum.

Pada 10 June 1984 diperkenalkan pula *Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar* oleh Tun Dr Mahathir¹⁵ sebagai satu usaha yang lebih menyeluruh untuk memperbaiki taraf ekonomi masyarakat luar bandar. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran pertanian, meninggikan pendapatan petani dan pekerja desa serta memudahkan penyampaian perkhidmatan dan prasaran. Ia juga akan berusaha untuk mengurangkan kemiskinan serta memupuk semangat berusaha dan jaya diri dalam ekonomi yang menguntungkan. Halacara baru ini melibatkan tiga aspek iaitu dengan memperkenalkan cara pengurusan perladangan bagi kebun-kebun kecil dan bendang-bendang, mewujudkan industri kampung serta penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membibitkan pusat-pusat pertumbuhan baru. Kejayaan halacara baru ini akan banyak bergantung kepada kerjasama yang erat di antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat dan juga penduduk-penduduk desa selaku kumpulan sasarannya.¹⁶

¹⁵ Semasa membentangkan kajian Separuh Penggal rancangan Malaysia Ke IV di Parlimen pada 29hb Mac, 1984 Y.A.B. Perdana Menteri telah menekankan bahawa Kerajaan akan terus berusaha sedaya upaya bagi memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk luar bandar. Selanjutnya, beliau menegaskan bahawa Malaysia mencapai kemerdekaan pembangunan luar bandar telah diberi tekanan yang istimewa oleh Kerajaan. Dalam ertikata luas, takrif luar bandar yang dimaksudkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri bukanlah merujuk kepada lokasi dari segi fizikal dan geografi tetapi kepada kawasan-kawasan di mana terdapat petani dan nelayan miskin, penduduk miskin di kampung-kampung baru dan estet-estet. Membangunkan masyarakat miskin sedemikian adalah merupakan pembangunan luar bandar. Untuk menegaskan lagi pencapaian matlamat ini, Y.A.B. Perdana Menteri telah memanggil satu mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan pada 10hb April, 1984 dengan tujuan menegaskan lagi komitmen Kerajaan serta membuktikan halacara baru dalam pembangunan luar bandar. Halacara baru ini adalah merupakan 'concerted effort' pihak Kerajaan dalam kesungguhannya bekerja bagi memperbaiki masyarakat luar bandar. (<http://pmr.penerangan.gov.my>).

¹⁶ <http://pmr.penerangan.gov.my>.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima pihak kerajaan tetap mengutamakan pembangunan sektor pertanian dan industri luar bandar. Dalam hal ini, beberapa syarat dilonggarkan seperti syarat-syarat penggunaan tanah, penanaman padi secara ladang, penggunaan tanah lombong untuk pertanian dan penanaman tanaman lain yang sesuai di sawah-sawah terbiar. Usaha menggalakkan perindustrian pula didokong dengan langkah- langkah pengurangan kadar bayaran elektrik, telefon, air, tapak kilang dan lain-lain.¹⁷

Transformasi Ketiga (1991-2010)

Transformasi ketiga meliputi Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Dalam tempoh ini, terdapat dua penggerak asas kepada pembangunan negara iaitu Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020. Tahun 1990 menandakan berakhirnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB).¹⁸ DPN telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 17 Jun 1991. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) 1991-2000 telah digubal berasaskan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan bermulanya satu lagi era baru di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. ¹⁹DPN telah mengambil kira kemajuan yang telah dicapai setakat ini di

¹⁷ Rancangan Malaysia Kelima, <http://pmr.penerangan.gov.my>.

¹⁸ Dalam tempoh DEB, walaupun ia tidak berjaya secara menyeluruh, tetapi terdapat beberapa pencapaian di dalamnya. "Social Engineering" yang cuba di bawa dalam DEB telah memperlihatkan bahawa usaha pembangunan dan penyusunan masyarakat Malaysia sememangnya mengambil masa yang panjang di samping ia juga banyak bergantung kepada faktor luar.

¹⁹ Antara objektif DPN adalah Perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhir DPN kerana masyarakat yang bersatupadu adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan satu langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai

bawah DEB serta kekuatan dan kelemahan yang wujud semasa pelaksanaannya. Ia mengandungi beberapa peralihan pendekatan dengan tujuan mengadakan satu dimensi baru dalam usaha pembangunan, terutamanya dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Antara yang menekankan kepada pembangunan masyarakat luar bandar adalah dengan memberikan penekanan yang lebih kepada strategi pembasmian kemiskinan untuk tujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin hardcore poor di samping mengurangkan kemiskinan relatif. Golongan yang termiskin adalah keluarga berpendapatan 50% atau kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan. Bagi tahun 1990, Pendapatan Garis Kemiskinan adalah sebanyak \$370 sebulan bagi saiz isi rumah 5.1 di Semenanjung Malaysia, \$544 bagi saiz isi rumah 5.4 di Sabah dan \$452 bagi saiz isi rumah 5.2 di Sarawak. Kira-kira 143,000 isi rumah atau 4% daripada jumlah isi rumah adalah tergolong sebagai keluarga termiskin).²⁰ Lain-lain adalah menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting kearah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi serta penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat.

taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan, dan kecemerlangan ekonomi. <http://pmr.penerangan.gov.my>

²⁰ Kadar kemiskinan negara dijangka akan dapat dikurangkan ke paras 7.2% dalam tahun 2000 berbanding dengan 19.1% dalam tahun 1990. Kadar pengangguran pula dijangka berkurangan ke tahap 4% dalam tahun 2000. Dalam melaksanakan strategi pembasmian kemiskinan, DPN akan mengambil kira beberapa perubahan dibuat terhadap peranan sektor awam. Oleh kerana kadar kemiskinan yang terlalu tinggi di kawasan luar bandar pada akhir tahun 1960-an, pelaksanaan DEB (1971 - 90) telah memperlihatkan penglibatan terus perkhidmatan awam melalui pembukaan tanah-tanah dan pemberian subsidi besar-besaran kepada petani-petani kecil untuk mewujudkan pekerjaan dan membantu meningkatkan pendapatan mereka. Pengalaman telah menunjukkan bahawa kos penyelenggaraan skim pembangunan tanah seperti yang diuruskan oleh FELDA adalah lebih tinggi daripada kos pengendalian estet yang serupa oleh sektor swasta. Tambahan pula anak-anak peneroka dan petani yang berpendidikan lebih tinggi kurang berminat untuk bekerja di luar bandar. Ramai di antara mereka telah berhijrah untuk bekerja di bandar-bandar. Dengan itu pembukaan tanah baru oleh agensi kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran tidaklah ekonomikal lagi. Peranan ini lebih sesuai untuk dikendalikan oleh estet-estet komersial. [Http://pmr.penerangan.gov.my](http://pmr.penerangan.gov.my)

Pada masa ini juga belia-belia di luar bandar akan diberikan latihan bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja-kerja yang berkemahiran dan berpendapatan lebih tinggi. Kaedah ini dilakukan bagi menggantikan pemberian subsidi yang telah dilaksanakan sehingga kini. Walau bagaimanapun, pemberian subsidi dan sokongan akan terus diberikan kepada golongan penanam padi dan nelayan untuk mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka. Pembasmian kemiskinan pada waktu ini akan memfokuskan kepada pendidikan dan latihan, kesihatan, jalan-jalan luar bandar, pengangkutan, perumahan, bekalan air dan elektrik.

Pada tahun 1994, *Transformasi Pembangunan Luar Bandar Kedua* pula dilancarkan dengan mengadakan tumpuan kepada pembangunan sumber daya insaniah terutamanya pembangunan insan bagi masyarakat luar bandar. Ia dikatakan merupakan suatu anjakan paradigma pemikiran dan pendekatan sebagai pelengkap kepada falsafah yang mendasari Transformasi Pembangunan Luar Bandar Pertama sebelum ini. Transformasi ini dapat dilihat dengan jelas apabila jentera digunakan untuk meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan tenaga kerja. Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar yang diperkenalkan pada tahun 1994 adalah untuk membentuk insan luar bandar yang berkualiti dan menguasai nilai murni, agar mereka dapat menggunakan masa, informasi dan sumber yang ada pada tahap paling optimum dan akhirnya menghasilkan tahap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan keluarga yang cemerlang. Dalam hal ini, peluang-peluang ekonomi yang disediakan di luar bandar akan dimanfaatkan sumber manusia dengan lebih menyeluruh.

Pada 4 Julai 1996, diperkenalkan pula *Gerakan Desa Wawasan (GDW)* yang dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir Muhammad di mana ia menekankan kepada penglibatan penduduk kampung itu sendiri dalam proses perancangan dan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan. Ia adalah satu usaha yang tersusun dan

berterusan melalui proses membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk kampung ke arah transformasi luar bandar. Pendekatan yang digunakan adalah dengan menyusun semula kampung-kampung, memajukan pertanian secara ladang, mewujudkan industri kecil dan perusahaan kecil bukan pertanian dan mewujudkan perbandaran kawasan luar bandar.²¹

Pada tahun 2003, diperkenalkan pula *Gerakan Daya Wawasan (GDayaW)* yang bertujuan untuk memastikan kawasan luar bandar mencapai kemajuan berganda dengan secepat mungkin bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan desa maju, menarik dan menguntungkan. Gerakan Daya Wawasan merupakan usaha strategik bagi penambahbaikan daripada dua pendekatan utama pembangunan luar bandar sebelum ini iaitu Halacara Baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar dan GDW. Terdapat 3 aspek daya yang diberi penekanan iaitu Daya Manusia, Daya Ekonomi dan Daya Pasaran. Pada 11 Ogos 2007 diperkenalkan pula Program Lonjakan Mega Luar Bandar melalui Program Agropolitan oleh Dato' Seri Abdullah Bin Ahmad Badawi di Pulau Banggi, Sabah. Ia adalah satu projek Agropolitan yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat menghapuskan kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Tumpuan pelaksanaan adalah kepada sasaran 10,000 Ketua Isi Rumah Miskin tegar (KIRMT) daripada baki KIRMT seluruh Malaysia dan dibawa ke kawasan terpencil, mundur dan terbiar yang dibangunkan dengan 3 komponen utama iaitu pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi dan pembangunan modal insan.

Salah satu program mega di bawah Rancangan Gerakan Daya Wawasan adalah Pelan Tindakan Desa (PTDe) atau dalam bahasa Inggerisnya *The Village Action Plan Strategy*.²² Pelan

²¹ Untuk melihat perbincangan ringkas mengenai perjalanan Program Gerakan Dewasa Wawasan sila lihat tulisan Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, 'Pembangunan Luar Bandar di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (GDW) Sebagai Mekanisme Pembangunan Masyarakat Luar Bandar,' dalam Jurnal Teknologi, 42 (E) Jun 2005, Universiti Teknologi Malaysia.

²² Untuk melihat perbincangan ringkas mengenai pelan ini sila lihat Ibrahim Ngah, David Preston, Nor Asman (et.al), "*Current Planning Priorities in Rural Villages in Malaysia: Learning From the New Malaysian Village Action Plans*," dalam Innovation and Sustainable Development in Agriculture and Food, ISDA 2010, Montpellier –

Tindakan Desa ini merupakan satu dokumen yang mengandungi perancangan pembangunan sesebuah kampung secara terperinci yang disediakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) bersama wakil-wakil penduduk sesebuah kampung tersebut. PTDe diperkenal dan dikendalikan oleh Institut Kemajuan Desa (INFRA) sebuah agensi di bawah KKLW. Modul ini dibangunkan berasaskan konsep perancangan dari bawah ke atas untuk memperkukuhkan pengupayaan masyarakat. Ini bermakna penduduk kampung bersama-sama bertanggungjawab merancang serta mencapai kata sepakat terhadap projek-projek yang member peluang kepada penduduk kampung itu sendiri. Menggunakan segala kepakaran dan pengalaman mereka dalam menentukan apakah bentuk pembangunan dalam jangka pendek iaitu antara 3 hingga 5 tahun.²³

Rancangan Malaysia Kelapan, usaha tetap diteruskan bagi mengurangkan jurang antara luar bandar dengan bandar. Dalam hal ini, usaha telah diambil untuk menyediakan persekitaran yang lebih kondusif di luar bandar bagi menarik pelaburan serta mengekalkan ketenangan kehidupan desa dengan segala kemudahan asas serta infrastruktur dan perkhidmatan sosial yang berkualiti. Pelbagai program dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti infrastruktur dan perkhidmatan di luar bandar. Program yang diperkenalkan termasuk pembangunan modal insan dan institusi, pembasmian kemiskinan, penyediaan infrastruktur asas, kemudahan asas dan sosial, keusahawanan luar bandar dan program perindustrian, pendidikan dan kesihatan, jaringan

France 28 June – 1 July 2010. (www.isda2010.net). Dalam kajian mereka didapati bahawa program ini sangat baik untuk memberi peluang kepada penduduk desa terlibat secara langsung dalam pembangunan desa. Walau bagaimanapun ada beberapa kekangan yang menghalang seperti kekurangan sumber tenaga manusia iaitu penghijrahan generasi muda ke bandar-bandar dan juga kurangnya penyertaan daripada masyarakat desa. Pihak kerajaan juga diminta agar mengadakan lebih banyak insentif untuk memajukan projek ini seperti bantuan kewangan, kerjasama dengan badan bukan kerajaan serta publisiti.

²³ Tan Sri Muhammad Muhd Taib, “*Pelan Tindakan Desa Untuk Pembangunan Kampung*,” Facebook Tan Sri Muhammad Muhd Taib 27 Januari 2009.

komunikasi serta pembangunan tanah dan wilayah. Program pembangunan tanah dan wilayah telah menyumbang kepada pembangunan di luar bandar. Program pembangunan ini termasuklah pembinaan kilang dan rumah kos rendah di 119 kampung dan 27 kawasan bandar baru. Di samping itu, sejumlah 2,146,710 hektar tanah telah dipulih dan dibangunkan semula.²⁴

Perbelanjaan & Peruntukan Pembangunan Projek Pembangunan Luar Bandar, 2001-2010 (RM Billion)

<i>Program/Projek</i>	<i>RMKe-8 Perbelanjaan</i>	<i>RMKe-9 Peruntukan</i>
Projek Ekonomi	5.9	10.1
Pendidikan dan Latihan	10.4	10.2
Kesihatan	0.9	2.0
Jalan Raya	2.3	3.6
Bekalan Air	0.7	1.2
Bekalan Elektrik	0.6	1.0
Perumahan	0.2	0.3
Jumlah	21.0	28.4

Sumber: <http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/387/BAB-17-KE-ARAH-PEMBANGUNAN-WILAYAH-YANG-SEIMBANG>)

Walaupun pelbagai program pembangunan luar bandar telah dilaksanakan sebelum ini didapati jurang antara luar bandar dan bandar masih lagi besar dalam tempoh ini. Memasuki era Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), pembangunan luar bandar tetap menjadi agenda penting kerajaan. Pada masa ini 7.1 peratus penduduk luar bandar masih lagi hidup di bawah garis kemiskinan. Menurut Datuk Seri Najib Tun Razak:

²⁴ Hasil daripada usaha membangunkan kawasan luar bandar, pendapatan bulanan purata isi rumah luar bandar meningkat daripada RM1,718 pada tahun 1999 kepada RM1,875 pada tahun 2004 manakala kadar kemiskinan berkurangan daripada 14.8 peratus kepada 11.9 peratus. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan di luar bandar masih lagi tinggi berbanding di bandar. Secara keseluruhan, walaupun penekanan telah diberikan kepada pembangunan luar bandar sepanjang tempoh Rancangan, jurang pembangunan antara luar bandar dengan bandar terus melebar, terutamanya dari segi jurang pendapatan yang telah meningkat daripada 1:1.81 pada tahun 1999 kepada 1:2.11 pada tahun 2004.

Tujuan kerajaan adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan pendapatan bagi semua rakyat Malaysia, termasuk penduduk luar bandar, dalam tempoh lima tahun yang akan datang.²⁵

Pendekatan yang digunakan adalah menggunakan pendekatan pembangunan seimbang yang mana projek diagih-agihkan ke seluruh negeri dan daerah secara sama rata, sebaliknya tumpuan diberikan kepada pembangunan berkelompok yang akan membolehkan sumber-sumber yang diperuntukkan dan potensi setiap kawasan dimaksimumkan dengan lebih efisien dan strategik. Projek seharusnya dilaksanakan di kawasan-kawasan yang dapat memberikannya keuntungan yang maksimum. Beliau berkata program-program dan projek-projek pembangunan ini mesti diintegrasikan ekonomi dan sosialnya dengan sub bandar atau kawasan pinggir bandar, yang mana ini pula akan disesuaikan dengan sistem penghubung ke kampung-kampung di sekeliling kawasan-kawasan pinggir bandar ini.

Pada tahun 2010 iaitu pada 12 Oktober 2010 dilancarkan pula *Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PILB)* di mana menjadi komitmen baru kerajaan untuk mengubah wajah kawasan pedalaman serta kampung terutama dari segi pembangunan prasarana serta usaha meningkatkan pendapatan penduduknya. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu melihat kawasan berkenaan dapat dibangunkan sejajar dengan dasar Model Baru Ekonomi (MBE) sekali gus membawa bersama luar bandar dalam arus pembangunan perdana negara. Menurut beliau:

Saya ingin melihat wajah baru di kawasan luar bandar. Saya tidak mahu melihat petani-petani kita dalam keadaan miskin. Carilah kegiatan ekonomi yang ada nilai tinggi kepada mereka. “Umpamanya jika ada kawasan lapang, jangan jadikan ia tanah terbiar sebaliknya gunakan untuk meningkatkan pendapatan. Kita perlu mencari satu kegiatan yang mampu menjana pendapatan yang tinggi.” (Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak).²⁶

²⁵ www.1malaysia.com.my.

²⁶ Objektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah untuk Peningkatan Pendapatan Penduduk Desa Ke Tahap 80% Daripada Penduduk Bandar Menjelang 2020. Mewujudkan Desa Berkualiti (Desa Q) Menjelang 2016, Mewujudkan 30% Penduduk Desa Terlibat Dalam Aktiviti Keusahawanan Menjelang 2020, Mewujudkan masyarakat berilmu dan berkemahiran, Mempercepatkan Pelaksanaan Konsep Dan Program Pembangunan Bersepadu, Meningkatkan kesejahteraan masyarakat desa, Mencapai Liputan 100% Prasarana Asas, Utiliti Dan

Terdapat tujuh teras pembangunan luar bandar dalam pelan berkenaan antaranya :

- pembangunan modal insan dan pengupayaan masyarakat efektif;
- pembangunan ekonomi yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan serta
- pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang menyeluruh dan berkesan.

Bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tahun 2010 adalah tahun yang amat penting kerana ia melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Dalam hal ini, KKLW akan bertanggungjawab ke atas usaha memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman di mana empat fokus utama NKRA iaitu jalan perhubungan, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan program bantuan rumah. Mohd Shafie menganggap, secara perbandingan dengan yang lain, NKRA Luar Bandar adalah yang paling mencabar dengan peruntukan terbesar menghampiri RM18 bilion dan pelaksanaannya akan mengambil masa yang panjang lebih kurang 10 tahun bermula tahun 2010.

Kesimpulan

Pembangunan luar bandar di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang di mana ia telah dimulakan secara rasmi pada tahun 1960 sehinggalah pada hari ini. Dalam hal ini pembangunan luar bandar juga telah mencipta sejarahnya yang tersendiri dalam lipatan atau koleksi sejarah negara Malaysia. Daripada apa yang telah dibincangkan di dapati dari dahulu hingga sekarang pembangunan modal insan kurang ditekankan dalam usaha membangunkan luar bandar. Walaupun secara kasarnya ia memperlihatkan akan usaha murni kerajaan untuk membangunkan luar bandar. Sememangnya sudah ada perubahan dalam aspek pembangunan luar bandar ini kerana sudah ada banyak infrastruktur luar bandar telah ditingkatkan selari dengan pembangunan

Infrastruktur Menjelang 2020, Memastikan penduduk desa mendapat 100% manfaat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi menjelang 2020, Menghapuskan kemiskinan tegar, dan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010. <http://www.rurallink.gov.my/objective>.

di bandar-bandar. Pihak kerajaan perlu mengadakan usaha-usaha tertentu bagi memastikan modal insan luar bandar tidak mudah berhijrah ke bandar-bandar. Modal insan sebenarnya memainkan peranan penting dalam menggerakkan usaha membangunkan luar bandar. Segala program pembangunan tidak akan mencapai objektif tanpa adanya kumpulan sasaran iaitu pembangunan sumber manusia. Program pembangunan luar bandar juga sukar dilaksanakan jika di luar bandar hanya tinggal warga tua yang sudah tidak lagi produktif dan inovatif untuk melaksanakan segala projek yang disediakan oleh pihak kerajaan. Migrasi modal insan luar bandar ke bandar akan terus berlaku selagi jurang pendapatan di bandar lebih tinggi daripada pendapatan di luar bandar, pusat-pusat pengajian tinggi berada di bandar, produktiviti tinggi di bandar-bandar dan peluang pekerjaan yang lebih di luar bandar. Satu kerugian berlaku apabila modal insan yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi berhijrah ke bandar-bandar besar walhal tenaga mereka boleh digunakan bagi pembangunan luar bandar.

Rujukan

Fail-fail Kerajaan

1. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Bahagian Pelajaran Dewasa, Scope and Objectives of the Adult Education Programme as approved by the Cabinet dalam Fail Ministry of Rural Development M.R.D (D) 448, Rural Development – Adult Education, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
2. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Bahagian Pelajaran Dewasa, Scope and Objectives of the Adult Education Programme as approved by the Cabinet dalam Fail Ministry of Rural Development M.R.D (D) 448, Rural Development – Adult Education, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Ucapan

1. Tun Abdul Razak bin Hussein, “Progress in Free Malaya”, (review of the economic progress achieved by the Federation of Malaya during the first four years of her existence as an independent State) Ucapan Sempena Sambutan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1961.
2. Ucapan Oleh Timbalan Perdana Menteri Berkenaan Dengan Pembangunan Luar Bandar Melalui Radio Malaya Pada 6 Jun 1960 dalam Ucapan-ucapan Tun Razak 1960.
3. Address by the Deputy Prime Minister and Ministerial of Rural Development at the 3rd Annual Conference of State Commissioners of Lands and Mines at the Committee Room of the Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 25th January 1960, dalam Ucapan-ucapan Tun Abdul Razak bin Hussein 1960.

Surat Persendirian

1. Tun Abdul Razak, Booklet “Forward Together,” dalam SP33/A/2, 65/3, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Buku dan Artikel

1. Chamsuri Siwar dan Nik Hashim Nik Mustapha, *Integrated Rural Development in Malaysia: An Assessment*, Monograph 4, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1988.
2. Ibrahim Ngah, David Preston, Nor Asman (et.al), “*Current Planning Priorities in Rural Villages in Malaysia: Learning From the New Malaysian Village Action Plans*,” dalam *Innovation and Sustainable Development in Agriculture and Food*, ISDA 2010, Montpellier – France 28 June – 1 July 2010. (www.isda2010.net).
3. Martin Rudner, ““The Malayan Quandary: Rural Development Policy Under The First and Second Five Year Plans” dalam Martin Rudner, *Malaysian Development: A Retrospective*, Carleton University Press, Ottawa, 1994.
4. Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, “*Pembangunan Luar Bandar di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (GDW) Sebagai Mekanisme Pembangunan Masyarakat Luar Bandar*,” dalam *Jurnal Teknologi*, 42 (E) Jun 2005, Universiti Teknologi Malaysia.
5. Saifullizam Mohamad, Mohd Asron Mustapha, “Ubah Wajah Pedalaman – PM,” *Utusan Malaysia* 13/10/2010.
6. Ungku Abdul Aziz, “Poverty and Rural Development in Malaysia,” *Kajian Ekonomi Malaysia*, Kuala Lumpur, Vol.1, No.1 (1964).

Laman Sesawang

1. <http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/387/BAB-17-KE-ARAH-PEMBANGUNAN-WILAYAH-YANG-SEIMBANG>.
2. <http://www.rurallink.gov.my/objective>
3. http://mstar.com.my/variasi/rencana/cerita.asp?file=/2010/3/19/mstar_rencana/20100319095825&sec=mstar_rencana.
4. RMK-10 Letak Kepentingan Bagi Pembangunan Luar Bandar, Kata Najib, Bernama 15 June 2010.
5. <http://parlimen81.blogspot.com/2010/10/pelan-induk-pembangunan-luar-bandar.html>.
6. <http://mydesa2009.blogspot.com/2010/10/pelan-induk-luar-bandar-dilancar.html>.
7. www.1malaysia.com.my.
8. <http://pmr.penerangan.gov.my>.